

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
[HULU SELANGOR]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang menamatkan operasi mereka kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penularan COVID-19 serta apakah langkah Kementerian untuk mengatasinya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) komited dalam usaha untuk membantu usahawan termasuk PKS yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.
2. Berdasarkan statistik Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), jumlah keseluruhan syarikat dan perniagaan yang menutup operasi bagi tempoh sehingga September 2020 adalah seperti pecahan berikut:
  - i. 9,675 menutup operasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula 18 Mac sehingga 9 Jun 2020;
  - ii. 22,794 syarikat dan perniagaan menutup operasi bagi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) iaitu 10 Jun Jun sehingga September 2020; dan
  - iii. Jumlah penamatan operasi yang tertinggi dicatatkan adalah pada bulan Ogos 2020 iaitu 17,800 syarikat dan perniagaan.
3. MEDAC telah menjalankan dua (2) kaji selidik secara dalam talian semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 10 April hingga 17 April 2020 dan pasca PKP bermula 15 Julai sehingga 17 Ogos 2020. Hasil kaji selidik tersebut mendapati:
  - i. 8.85% usahawan telah menutup perniagaan sepenuhnya (gulung tikar) semasa tempoh PKP, manakala jumlah tersebut berkurangan kepada 1.39% semasa pasca PKP; dan
  - ii. Majoriti usahawan yang menutup operasi perniagaan semasa PKP dan pasca PKP adalah usahawan mikro, masing-masingnya sebanyak 79.53% dan 70.83%.

## NO. SOALAN : 16

4. Kaji selidik yang telah dijalankan juga mendapati usahawan mikro termasuk informal dan koperasi merupakan golongan yang paling terkesan memandangkan majoriti daripadanya masih belum mendapat fasilitasi/bantuan yang disediakan oleh pihak Kerajaan. Justeru, MEDAC telah mengenal pasti tindakan intervensi berdasarkan 3 isu utama seperti berikut:

- i. Meningkatkan pembiayaan khas COVID-19 bagi menangani isu aliran tunai usahawan.
- ii. Meluaskan program latihan pembangunan produk dan mempelbagaikan program promosi dan hub pemasaran bagi meningkatkan permintaan produk serta akses pasaran.
- iii. Mengadakan program adaptasi teknologi dalam usaha meningkatkan inisiatif digitalisasi dalam operasi perniagaan.

5. MEDAC juga telah membangunkan Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi yang menggariskan 6 strategi utama bagi menyokong kestabilan ekosistem keusahawanan, memulihkan operasi perniagaan usahawan dalam tempoh segera dan memastikan usahawan kekal berdaya saing dan mampan. Strategi-strategi yang dirangka adalah seperti yang berikut:

- i. meningkatkan keyakinan rakyat;
- ii. memperkasakan keupayaan dan kapasiti;
- iii. meningkatkan akses dan bantuan pembiayaan;
- iv. meningkatkan penggunaan teknologi;
- v. membuka dan memperluaskan pasaran; dan
- vi. menyampaikan perkhidmatan berkesan.

Sekian, terima kasih.